

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 24.12.2021 MASA: 5:44 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LINGKARAN BOUGAINVILLEA
(BOUGAINVILLEA BELT), BANDAR PERDA, SEBERANG PERAI
TENGAH

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL
RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
25 DISEMBER 2021 (SABTU)
10.00 PAGI

**LINGKARAN BOUGAINVILLEA, BANDAR PERDA
BERSEBELAHAN DENGAN MASJID PERDA**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSBSP 2021

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan isteri

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Nor

YDH ACP Shafee Bin Abd Samad

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang

Pengerusi PUSPANITA

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di Majlis Perasmian Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*), Bandar Perda, Seberang Perai Tengah.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau

Pinang di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis Perasmian Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*), Bandar Perda, Seberang Perai Tengah pada pagi ini.

Saya berasa amat terharu atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama untuk hadir bersama-sama pada pagi yang amat bersejarah ini. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama serta seisi keluarga sentiasa di bawah naungan rahmat Allah dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimudahkan rezeki untuk terus memayungi Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang Di-Pertua Negeri dan isteri terhadap rakyat jelata.

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YDH ACP Shafee Bin Abd Samad, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Saudara WHIP Parti,

Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yang Berusaha Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan serta kesemua warga kerja MBSP, rakan-rakan media yang saya kasihi dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang sentiasa bekerja keras bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Menjunjung kasih nasihat Tuan Yang Terutama Tun semasa kunjungan hormat Datuk Bandar kali pertama bertarih 20 Mei 2021 dimana Tuan Yang Terutama Tun telah menasihatkan supaya mendapatkan tanah seluas 5 ekar untuk ditanam bunga-bunga bagi menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara agar aktiviti ekonomi pasca COVID-19 segera dipulihkan.

Saya terpegun dengan keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun walaupun hanya beberapa hari memimpin Negeri Pulau Pinang yang tercinta telah memahami denyutan hati rakyat. Sebagai Datuk Bandar, saya menjunjung nasihat Tuan Yang Terutama Tun dan memulai dengan pembinaan Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*)

yang berada di dalam *20-Minute Neighbourhood* yang pertama di Malaysia dan Masjid Bandar Perda menjadi “*nerve of activity*”.

Lingkarang Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*) berukuran 15,400 meter persegi. Kos projek ini adalah berjumlah RM913,010.00 dan diterima melalui peruntukan bagi projek di bawah peruntukan BP1 di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2021 – Senarai 13/2021.

Projek ini telah bermula pada 2 Disember 2021. Antara komponen yang akan dinaiktaraf adalah :

- Dataran Kejut
- Pemasangan *Precast I-Curb*
- Penanaman pokok Bunga Kertas (*Bougainvillea SPP*)

Projek ini dilaksanakan bagi penambahbaikan ke atas kemudahan rekreasi sediaada yang berfungsi sebagai *Green Lung* disamping menyediakan ruang untuk aktiviti rekreasi / riadah untuk masyarakat setempat.

Tanaman yang ditanam di kawasan Lingkaran Bougainvillea merupakan dari spesies pokok renek iaitu Bunga Kertas (*Bougainvillea SPP*) berjumlah 12,900 batang, Happenies Tree (*Garcenia Subelliptica*) sebanyak 70 batang dan Pokok Pinang (*Areca Catechu*) sebanyak 4 batang.

Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*) diberi nama adalah bersempena sejumlah 30 spesies pokok Bunga Kertas (*Bougainvillea SPP*) yang terdapat di Asia Tenggara di tanam di kawasan ini. Antara spesies yang terdapat di Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*) adalah :

- *Bougainvillea 'Varigated Yellow Pink'*
- *Bougainvillea Glabra*
- *Bougainvillea Spectabilis*
- *Bougainvillea 'Singapore Beauty Variegated White'*
- *Bougainvillea 'Apple Blossom'*
- *Bougainvillea 'Mrs Eva'*
- *Bougainvillea 'Magnifica'*
- *Bougainvillea 'Glabra Red'*
- *Bougainvillea 'Aiskrim'*
- *Bougainvillea 'Glabra Red'*
- *Bougainvillea 'Mrs Eva Variegated Light Purple'*

- *Bougainvillea Queen Violet*
- *Bougainvillea 'Sanderiana'*
- *Bougainvillea 'Klong Fire'*
- *Bougainvillea 'Mrs Eva Variegata White'*
- *Bougainvillea 'Scarlet Queen Variegata'*
- *Bougainvillea 'Orange Stripe'*
- *Bougainvillea 'Poultonii'*
- *Bougainvillea 'Donya'*
- *Bougainvillea 'Formosa'*
- *Bougainvillea 'Mrs Eva Variegated Yellow Light Purple'*
- *Bougainvillea 'Flame'*
- *Bougainvillea 'Mary Palmer Red'*
- *Bougainvillea x buttiana 'Golden Glow'*
- *Bougainvillea 'Variegated Yellow Pink'*
- *Bougainvillea 'Tomato Red'*
- *Bougainvillea Brasilensis*
- *Bougainvillea Easter Parade*
- *Bougainvillea Hugh Evans*
- *Bougainvillea 'Aussie Gold'*

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

MBSP telah pun membangunkan lima (5) kemudahan rekreasi di kawasan yang telah memberi manfaat kepada 50,000 penduduk sekitar yang kebanyakannya adalah B40. Antara projek- projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah:-

1. *Upcycle Park*

- i. Taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi).
- ii. Taman ini mempunyai keunikan tersendiri dengan penyediaan ruang yang dilengkapi dengan barangan dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi.
- iii. Komponen-komponen disediakan adalah seperti laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai.

- iv. Taman ini merupakan Taman *Upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai *the First Organisation To Develop Upcycle Park*.
- v. *Upcycle Park* bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*.
- vi. Taman tersebut telah dirasmikan pada 10 Mac 2018 oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memberi manfaat kepada lebih 20,500 penduduk di kawasan sekitar.

2. People's Aquarium

- i. *Projek People's Aquarium* merupakan sebahagian daripada projek Taman Komuniti, Bandar Perda yang diterima melalui peruntukan bagi projek di bawah peruntukan BP1 di kawasan

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2019 – Senarai 50/2019.

- ii. MBSP telah membersihkan air Parit Monsun di sepanjang Jalan Perda Barat sepanjang 1,175 meter.
- iii. MBSP telah mengambil inisiatif untuk menjadikan ia sebagai kolam ikan bagi memenuhi keperluan masyarakat sekitar yang memerlukan kawasan rekreasi bersama keluarga disamping dapat memberikan pemandangan yang cantik dan indah di Bandar Perda.
- iv. Pada 17 September 2019, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman diiringi Datuk Bandar MBSP, telah melepaskan kira-kira 200 ikan talapia merah yang disumbangkan oleh kakitangan MBSP.

3. One Baby One Tree Park

- i. Lokasi ini terletak di sepanjang Rezab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Seberang Perai Tengah (bersebelahan dengan Politeknik Seberang Perai).

- ii. Pokok-pokok yang telah ditanam telah mendapat tajaan daripada kesemua 24 Ahli Majlis MBSP dengan kos keseluruhan sebanyak RM4,800.00. Setiap Ahli Majlis telah menaja sebanyak sepuluh (10) batang pokok berharga RM20.00/pokok.
- iii. Penyertaan 208 kakitangan kakitangan MBSP yang mempunyai cahaya mata yang dilahirkan pada tahun 2017 sehingga Mac 2018.
- iv. Pokok-pokok dari spesies buah-buahan iaitu pokok Ciku (*Manilkara zapota*) dan pokok Jambu kancing / air (*Syzygium aqueum*).
- v. Program ini disempurnakan oleh Datuk Bandar MBSP.

4. Cycle to Work

- i. Laluan *Cycle to Work* sepanjang 1,175 meter dengan kelebaran 1.5 meter yang siap sepenuhnya pada 13 April 2018.

- ii. Laluan ini mewujudkan *connectivity* di antara kawasan perumahan, institusi-institusi pendidikan, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, tempat riadah dengan perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan sekitar kawasan Bandar Perda secara *dedicated lane* dan *road sharing*.

- iii. Pembinaan laluan *Cycle to Work* ini dapat menghubungkan tempat kediaman dengan *Central Business District* (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah.

- iv. Penyediaan laluan *Cycle to Work* merupakan salah satu usaha untuk menjadikan berbasikal ke tempat kerja sebagai satu amalan untuk mengurangkan pelepasan karbon supaya Seberang Perai menjadi bandar rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*.

5. Eko Koridor

- i. Kerja-kerja merekabentuk dan menaiktaraf landskap di kawasan ini adalah melalui Program 7P's (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*) oleh United Cities And Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) yang berjumlah USD65,000.00 (RM265,000.00 pada nilai tukaran wang semasa).
- ii. Antara komponen-komponen yang disediakan di kawasan ini adalah :
 - Pembinaan laluan pejalan kaki
 - Pembinaan dataran kejut dan *ramp* OKU
 - Kerja-kerja Pembinaan struktur '*m.s. Steel Bridge*'
 - Pembinaan struktur '*sculptural archway*'
 - Pembinaan ruangan penyelenggaraan
 - *Concrete seating wall*
 - *Bollard*
 - *Concrete planter box*
 - Memasang papan tanda larangan dan pemberitahuan

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO₂e per kapita kepada 4.0 tan CO₂eq per kapita. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. Satu rekod yang membanggakan iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan GHG dari 8.0 tan CO₂eq pada tahun 2017 kepada 6.31 tan CO₂e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020.

MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5°C. MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “Seberang Perai

Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Tuan LAr Shaqhrony bin Md Yusuff, Pengarah Jabatan Landskap serta kakitangan MBSP yang terlibat dalam menjayakan Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*), Bandar Perda, Seberang Perai Tengah.

MBSP telah merancang untuk menanam pokok-pokok di pelbagai lokasi yang mempunyai kawasan-kawasan lapang di Seberang Perai untuk mewujudkan kelompok *forest park*. Ini adalah menggunakan konsep “*tree bank*” di mana *forest park* ini akan membekalkan baka anak-anak pokok yang akan ditanam di tempat-tempat lain bagi menjimatkan kos.

MBSP juga akan memperbanyakkan kawasan Eko Koridor di semua kawasan Seberang Perai bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk

Seberang Perai. Melalui inisiatif ini penduduk boleh beriadah bersama keluarga dan pada masa sama dapat nikmati kehidupan yang lebih sihat.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Yang Dihormati ACP, Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian yang dihormati sekalian,

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, sekiranya terdapat ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Menjunjung kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, yang sudi hadir pada pagi ini dan seterusnya merasmikan Lingkaran Bougainvillea (*Bougainvillea Belt*), Bandar Perda, Seberang Perai Tengah. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang dikasihi yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.